

RAGAM BAHASA DALAM KOMUNIKASI AL-QURAN: ANALISIS BERDASARKAN SURAH AL-QAŞAŞ

Speech Styles in Quranic Communication: An Analysis Based on Surah al-Qaşaş

* Nurul Amin Mustafa¹, Mohammad Imran Ahmad¹

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: aminmustafa602@gmail.com

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
11-Mar-2025	04-Jun-2025	28-Aug-2025	30-Dec-2025

Abstrak

Kekayaan stilistik bahasa al-Quran membuka ruang bagi meneliti variasi ragam bahasa dalam komunikasi al-Quran yang sentiasa relevan sejak zaman-berzaman. Dengan tumpuan kepada Surah al-Qaşaş, kajian ini memaparkan pelbagai bentuk ragam bahasa antara penutur yang mencerminkan hubungan sosial dan konteks komunikasi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis tekstual berdasarkan tiga komponen kerangka SPEAKING oleh Dell Hymes, iaitu Scene, Participant dan Instrument. Data pensampelan diperoleh daripada ayat-ayat yang mengandungi kata kerja al-Qawl dan frasa al-Maḥkiyyah dalam Surah al-Qaşaş. Penemuan kajian melalui surah ini menambahkan dimensi baharu kepada kajian linguistik al-Quran dengan menghubungkan tafsir klasik dengan kerangka sociolinguistik moden yang menyentuh ragam bahasa pilu, bahasa seruan, bahasa pengharapan, dan bahasa tempelak, yang berfungsi dalam menyampaikan makna secara efektif, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Hal ini menunjukkan bahawa komunikasi al-Quran bukan sahaja mengandungi mesej ketuhanan tetapi juga memperlihatkan dinamika sosial yang dapat dianalisis melalui perspektif sociolinguistik. Implikasi kajian ini memberi sumbangan kepada pemahaman lebih mendalam tentang keindahan dan keberkesanan bahasa al-Quran dalam menyampaikan mesej terhadap pembacanya bukan hanya melalui mekanika bahasa, bahkan melalui aspek sosial yang mempengaruhi sebuah tuturan.

Kata kunci: Ragam bahasa, Komunikasi al-Quran, Surah al-Qaşaş, Sociolinguistik

Abstract

The stylistic richness of the Quranic language provides a foundation for examining the variation of speech styles in Quranic communication, which remains relevant across generations. Focusing on Surah al-Qaşaş, this study explores various forms of speech styles between interlocutors, reflecting social relationships and communication contexts. Employing a qualitative approach, this study conducts textual analysis based on three components of Dell Hymes' SPEAKING framework: Scene, Participant, and Instrument. The data sampling consists of verses containing the verb al-Qawl and the phrase al-Maḥkiyyah in Surah al-Qaşaş. The findings of this study add a new dimension to Quranic linguistic research by linking classical tafsir with modern sociolinguistic frameworks, highlighting tones of sorrow, appeal, hope, and reproach in effectively conveying meaning, both directly and indirectly. This suggests that Quranic communication not only conveys divine messages but also demonstrates social dynamics that can be analyzed from a sociolinguistic perspective. The implications of this study contribute to a deeper understanding of the beauty and effectiveness of Quranic language in delivering

its message to readers, not only through linguistic mechanics but also through social aspects that influence speech.

Keywords: *Speech styles, Quranic communication, Surah al-Qaṣaṣ, Sociolinguistics*

1.0 PENGENALAN

Al-Quran al-Karim merupakan sumber utama umat Islam yang diturunkan sebagai sebuah wahyu kepada Nabi Muhammad SAW untuk umatnya. Ia kaya dengan stilistik bahasa yang tidak akan pernah lekang sekiranya dikaji. Walaupun terdapat kajian terdahulu mengenai balaghah dan gaya bahasa al-Quran (Uthman, 2019; Zaki dan Radiah, 2013), namun perbincangan khusus ragam bahasa dalam Surah al-Qaṣaṣ berdasarkan kerangka sosiolinguistik masih lagi terhad. Justeru, kajian ini cuba mengisi kelompongan tersebut.

Dengan meraikan anjuran al-Suyuti (2008) yang menyebutkan bahawa bahasa al-Quran adalah sebuah bahasa yang sentiasa relevan sejak zaman-berzaman, kajian surah al-Qaṣaṣ secara khusus dapat menjelaskan naratif yang terperinci dan tertumpu pada sebuah kisah yang utama, iaitu seperti kisah Nabi Musa AS dan kisah Fir'aun bersama isterinya.

Al-Zuhaily (2003) menyatakan bahawa surah ini sarat dengan isu sosial, akhlak kemasyarakatan dan tatacara berinteraksi. Naratif yang pelbagai ini dapat dilihat dari aspek komunikasi yang berjaya menghasilkan variasi ragam bahasa antara penutur. Keterbukaan minda melalui kajian sosial dapat membantu para pembaca al-Quran dan pengkajinya dalam memahami ragam bahasa dengan tepat. Hal ini akan melahirkan penutur bahasa yang intelek kerana bijak melaraskan bahasa mengikut suasana ketika bertutur.

Jika disorot kembali kepada ragam bahasa al-Quran melalui aspek sosial, ia menggambarkan keindahan dan variasi komunikasi antara sesama manusia (Wan Azura dan Fazullah, 2022). Menurut Amin, N. et. al (2025), aspek sosial menumpu kepada gejala bahasa dalam sebuah masyarakat kemudian membentuk bagaimana bahasa dilaraskan. Hymes (1979) berpendapat bahawa sebuah komunikasi antara penutur secara minimum hendaklah melibatkan dua belah pihak untuk mengaplikasikan sebuah ragam bahasa. Meskipun terdapat sebuah gaya bahasa yang dinamakan sebagai al-Tajrīd (monolog), iaitu apabila seseorang bercakap dengan diri sendiri untuk mengekspresi sebuah pemikiran, perasaan, atau dialog yang berlaku tanpa melibatkan pihak kedua, ia tetap diambil kira sebagai dua pihak kerana melibatkan penutur dan lawan tutur (Al-Qazwini, 2010; Hassan dan Abdul Wahid, 2020).

Semua idea yang dilontarkan ini merupakan aspek sosial yang perlu difahami melalui ilmu sosiolinguistik. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2015), sosiolinguistik merupakan kajian struktur bahasa dan hubungannya dengan masyarakat. Hal ini menjelaskan lagi bahawa ragam bahasa amat berkait rapat dengan aspek sosial dalam sebuah masyarakat. Pengkaji menumpukan kajian sosial ini kepada perbincangan komunikasi al-Quran melalui Surah al-Qaṣaṣ bagi meneliti kepelbagaian ragam bahasa.

2.0 DEFINISI RAGAM BAHASA


Ragam bahasa didefinisikan sebagai variasi bentuk bahasa yang digunakan untuk tujuan tertentu berdasarkan situasi (Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 2015). Ia boleh dilihat melalui dua sudut pandang, iaitu sama ada dari sudut pengguna yang menuturkan sebuah bahasa dengan dialek tertentu mengikut daerah, ataupun dari

sudut penggunaan laras bahasa berdasarkan faktor sosial (Najjar, 2025). Terdapat dua kategori utama ragam bahasa dari sudut penggunaan, iaitu bahasa formal yang sering digunakan dalam situasi rasmi atau urusan akademik, dan bahasa tidak formal yang digunakan dalam situasi santai atau perbualan seharian (Hassan dan Abdul Wahid, 2020). Himpunan kenyataan ini menjelaskan bahawa faktor situasi dan ciri-ciri sosial sebuah komunikasi menjadi peranan penting dalam menetapkan laras bahasa.

Manakala menurut Za'ba (2002) pula, beliau mentakrifkan ragam bahasa kepada beberapa jenis bahasa yang khas, yang digunakan dalam tulisan (karangan) atau lisan (percakapan). Beliau mengkategorikan 15 jenis ragam bahasa, iaitu bahasa sindiran; bahasa menggiat; bahasa mengejek; bahasa terbalik; bahasa merajuk; bahasa tempelak; bahasa herdik; bahasa melampau; bahasa naik; bahasa seruan, pengharapan atau mengeluh; bahasa berulang; bahasa bertimbal; bahasa bukan, bahasa pilu; dan bahasa jenaka.

2.1 Pemahaman terhadap Ragam Bahasa

Definisi ragam bahasa yang dikemukakan menunjukkan perbezaan dari segi pendekatan dan skop penekanan. DBP (2015), Najjar (2025) serta Hassan dan Abdul Wahid (2020) menekankan ragam bahasa sebagai variasi penggunaan bahasa yang dipengaruhi faktor situasi dan sosial, dengan pembahagian kepada formal dan tidak formal, sekali gus memberi fokus pada fungsi komunikasi dalam konteks tertentu. Sebaliknya, Za'ba (2002) melihat ragam bahasa sebagai kategori bentuk bahasa khusus yang digunakan dalam penulisan dan percakapan, lalu mengklasifikasikan hingga 15 jenis ragam yang lebih terarah kepada gaya atau nuansa bahasa itu sendiri. Maka, definisi moden lebih bersifat umum dan menekankan fungsi bahasa dalam masyarakat, sementara definisi Za'ba bersifat terperinci yang menekankan variasi bentuk ekspresi dalam ujaran dan karangan.



Rajah 1 Perincian Ragam Bahasa

Definisi dan kategori yang diberikan adalah sebuah perbandingan yang penting kerana kajian ini cuba menghubungkan tradisi keilmuan tempatan dengan kerangka linguistik moden. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa berfungsi secara dinamik, sama ada dalam bentuk formal ataupun tidak formal, serta mempunyai pelbagai variasi ragam bahasa. Dalam konteks komunikasi al-Quran, pemahaman terhadap ragam bahasa ini dapat membantu menjelaskan bagaimana mesej disampaikan dengan berkesan berdasarkan situasi dan hubungan sosial, sejajar dengan tujuan menyampaikan makna yang lebih mendalam dan berhikmah.

3.0 RAGAM BAHASA DAN ASPEK KOMUNIKASI

Kebiasaannya, ragam bahasa akan ditemui melalui hubungan komunikasi antara penutur. Hal ini kerana komunikasi adalah sebuah proses bagaimana individu saling berbicara dan berhubung dengan seseorang. Perdani dan Sipon (2010) meletakkan konsep komunikasi ketika seseorang menyampaikan pengalamannya kepada lawan

tuturnya. Hal ini jelas bahwa dalam sebuah komunikasi, penutur akan melaraskan bahasanya sesuai dengan keadaan yang dihadapi.

Al-Qazwini (2010) juga mempunyai sudut pandang yang sama ketika memperkenalkan ilmu al-Ma'ānī sebagai alat mengenali keadaan lafaz yang bersesuaian dengan konteks komunikasi semasa. Hifni Nasif et. al (2012) memberi isyarat bahawa ragam bahasa akan disesuaikan ketika penutur sudah mengenali suasananya ketika berkomunikasi.

Pengkaji melihat bahawa kesepakatan idea ini meluaskan sudut pandang pengkaji bahasa dengan meneliti aspek sosial ketika berkomunikasi dan bukan hanya memfokuskan kepada mekanika bahasa sahaja. Pengkaji juga meraikan keserasian konteks bahasa al-Quran yang diturunkan dalam bahasa yang sesuai dengan kondisi bangsa dan tempat yang diturunkan iaitu bahasa Arab (Yahya, 2015).

4.0 FAKTOR YANG MEMPENGARUHI RAGAM BAHASA

Menurut Finegan (2004), ragam bahasa ditentukan oleh lokasi geografi penutur dan pemilihan laras bahasa pula berkaitan dengan situasi penggunaannya. Hymes (1979) pula menambah satu lagi komponen utama untuk membentuk sebuah ragam bahasa, iaitu saluran (Instrument). Hasil idea kedua-dua ahli sosiolinguistik ini menatijahkan kepada tiga buah faktor utama yang mempengaruhi ragam bahasa:

- a) Latar Belakang Penutur: Faktor demografi seperti usia, pendidikan, dan daerah asal penutur mempengaruhi ragam bahasa yang digunakan. Contohnya, individu dengan pendidikan tinggi cenderung menggunakan bahasa formal, sedangkan mereka dari latar belakang yang lebih santai mungkin menggunakan bahasa pasar.
- b) Situasi Komunikasi: Ragam bahasa juga dipengaruhi oleh konteks di mana komunikasi berlangsung. Dalam situasi formal seperti pertemuan rasmi, penutur akan memilih laras bahasa yang lebih sopan dan formal. Sebaliknya, dalam situasi tidak formal seperti perbualan di media sosial, ragam bahasa yang diaplikasi adalah lebih kasual.
- c) Instrumen Komunikasi: Penggunaan media sosial sebagai contoh telah menciptakan bentuk baharu dalam ragam bahasa. Platform ini memungkinkan penutur untuk berinteraksi dengan cara yang lebih cepat dan mudah untuk menyampaikan mesej utama. Begitulah ragam bahasa dibentuk melalui alat komunikasi yang digunakan sama ada berbentuk lisan, tulisan atau gerak tubuh.
- d) Tiga faktor utama ini dapat dipetik melalui lapan komponen utama kerangka SPEAKING yang dirangka oleh Hymes (1979), iaitu (S) Setting and Scene; (P) Participants; (E) Ends; (A) Act sequence; (K) Key; (I) Instrumentalities; (N) Norms or interaction and interpretation; (G) Genre.


Pengkaji mengambil inisiatif dalam kajian ini agar ragam bahasa dalam komunikasi al-Quran dan penceritaannya difahami melalui kerangka bahasa yang tepat, seterusnya dapat memastikan mesej ilahi disampaikan dengan jelas dan efektif seperti galakan Azlan Mis (2014) ketika memastikan kajian bahasa tidak hanya dianalisis melalui mekanika bahasa sahaja, bahkan melalui situasi komunikasi tersebut dituturkan.

5.0 RAGAM BAHASA AL-QURAN

Adapun bahasa al-Quran, ia mempunyai keistimewaan bahasa yang tersendiri yang diturunkan sebagai kalam Allah SWT untuk disampaikan kepada seluruh manusia. Kekayaan ragam bahasa al-Quran diperolehi melalui kajian linguistik dan tafsiran ulama bahasa yang muktabar seperti Imam al-Halabi (2011) melalui tafsirnya, al-Durr al-Maṣūn dan Imam al-Zamakhshari (2012) melalui tafsirnya, al-Kashshāf yang berorientasikan perbincangan balaghah (retorik). Uthman (2019) membahagikan gaya bahasa al-Quran kepada tiga konteks, iaitu konteks bahasa tuntutan, konteks bahasa larangan dan konteks bahasa keharusan. Setiap gaya bahasa tersebut mempunyai kriteria penulisan yang tersendiri antaranya ialah dengan mendatangkan partikel atau kata kerja perintah, mendatangkan partikel larangan, mendatangkan gambaran situasi yang bahaya, dan menyatakan ganjaran pahala bagi mereka yang beramal baik dan balasan dosa bagi yang melakukan kesalahan (Uthman, 2019).

Menurut Zaki dan Radiah (2013) pula, ragam bahasa al-Quran dianalisis melalui ilmu al-Ma'ānī berdasarkan ayat penyata dan ayat bukan penyata. Mereka memperincikan komponen terpenting dalam perbahasan ayat penyata, iaitu pengaruh situasi, pendepanan dan pengkhususan. Manakala komponen terpenting dalam perbahasan ayat bukan penyata pula ialah seperti ayat permintaan, ayat suruhan, ayat larangan dan ayat pertanyaan.

Pengkaji menyimpulkan bahawa persamaan perbahasan ragam bahasa terletak pada penekanan susunan bahasa al-Quran dalam menyampaikan mesej ketuhanan. Kedua-dua idea Uthman (2019) serta Zaki dan Radiah (2013) menyoroti penggunaan ragam bahasa yang terancang, seperti ayat perintah, larangan, dan pertanyaan, yang disesuaikan dengan konteks dan tujuan sebuah ayat dilontarkan. Unsur seperti pendepanan, pengkhususan, serta gambaran ganjaran dan ancaman turut menunjukkan keunikan struktur ragam bahasa al-Quran dalam mempengaruhi komunikasi antara penutur.



Rajah 2 Ragam Bahasa al-Quran

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini memilih untuk menggunakan penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk analisis tekstual yang melibatkan ayat suci al-Quran melalui surah al-Qaṣaṣ. Kajian kualitatif adalah berdasarkan kualiti dan mutu, bukan bersifat kuantiti (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015). Ia merupakan sebuah pendekatan untuk meneroka makna yang difahami oleh seorang individu atau sekumpulan kelompok berkenaan sesuatu masalah berkaitan masyarakat atau sosial (Creswell, 2014).

Analisis ini dihuraikan secara deskriptif yang mana ia digunakan untuk memberi gambaran jelas tentang bagaimana al-Quran merakam lontaran

komunikasi di antara penutur. Ia bertepatan dengan idea Arabi (2002) bahawa analisis deskriptif adalah situasi penulis yang memberikan gambaran makna dari sumber yang sedia ada, dalam konteks ini ialah nas al-Quran dan tafsiran para ulama yang muhtabar.

6.1 Pensampelan

Data korpus kajian komunikasi di antara penutur dipilih secara pensampelan bertujuan (Purposive Sampling). Ia merupakan sebuah teknik untuk memilih subjek daripada sampel yang mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki oleh penyelidik, bersesuaian dengan objektif kajian (Sunawari Long, 2016). Dalam kajian ini, penyelidik hanya mengambil empat ayat yang mempunyai kata kerja al-Qawl kategori lampau dan frasa al-Maḥkiyyah yang jelas dinyatakan melalui surah al-Qaṣaṣ bagi menggambarkan situasi komunikasi antara penutur. Pemilihan empat ayat ini adalah bersifat representatif kerana ia merangkumi pelbagai jenis ragam bahasa utama, iaitu pilu, seruan, pengharapan dan tempelak. Pemilihan yang lebih luas mungkin akan menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh, namun fokus kajian ini adalah untuk menekankan variasi utama yang paling dominan dalam Surah al-Qaṣaṣ.

Pemilihan frasa al-Maḥkiyyah adalah melalui perbincangan Nahu dengan nafas baharu, iaitu dengan membincangkan dari aspek murakkabāt (kata gabungan) yang mempunyai konteks i'rāb naṣb (Ibn Hisyam, 2020). Frasa ini berada selepas kata kerja al-Qawl (قال) dan akan dii'rāb sebagai al-Maḥkiyyah 'an al-Qawl (tuturan) bukan sebagai Ma'f'ūl bih (objek) (Ibn Hisyam, 2020). Frasa ini amat berkait rapat dengan aspek komunikasi dan perbualan kerana ia merupakan sebuah tuturan yang dirakamkan semula dalam bentuk ayat (Al-Samarra'i, 2007).

6.2 Kerangka Analisis

Prosedur analisis pula berpandukan kerangka SPEAKING oleh Hymes (1979) yang menawarkan pendekatan yang sistematik untuk memahami ragam bahasa dengan membahagikan kepada lapan komponen utama. Namun begitu, kajian ini hanya memfokuskan kepada komponen Scene, Participants dan Instrumentalities sahaja yang menjadi faktor utama dalam pembentukan ragam bahasa. Selain itu, penelitian dapatan ragam bahasa adalah berpandukan tafsir al-Taḥrīr wa al-Tanwīr oleh Ibn 'Asyur (1984), Madārik al-Tanzīl wa Haqā'iq al-Ta'wīl oleh al-Nasafi (1998) dan tafsir yang berorientasikan perbincangan balaghah seperti tafsir al-Kashshāf oleh al-Zamakhshari (2012).

7.0 ANALISIS RAGAM BAHASA DALAM SURAH AL-QAṢAṢ

Komunikasi al-Quran menggunakan pelbagai jenis ragam bahasa untuk menggambarkan hubungan antara penutur dalam sebuah situasi. Antara ragam bahasa yang digunakan dalam surah al-Qaṣaṣ ialah bahasa pilu, bahasa seruan, bahasa pengharapan dan bahasa tempelak. Hal ini menunjukkan kekayaan bahasa al-Quran dalam penceritaan melalui komunikasi antara penutur. Kajian ini akan membincangkan empat ragam bahasa tersebut melalui surah al-Qaṣaṣ dalam perbincangan seterusnya.

7.1 Ragam Bahasa Pulu

﴿وَقَالَتِ امْرَأَتُ فِرْعَوْنَ قُرْتُ عَيْنٍ لِّي وَلَكَ ۗ لَّا تَقْتُلُوهُ عَسَىٰ أَن يَنْفَعَنَا ۖ أَوْ نَتَّخِذَهُ وَلَدًا ۖ وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ﴾

Maksud: "Isteri Fir'aun berkata "Bayi itu adalah penyejuk mata hati bagiku dan bagimu. Janganlah kamu membunuhnya, mudah-mudahan dia bermanfaat kepada kita, mari kita ambilnya menjadi anak angkat", sedang mereka tidak menyedarinya."

Jadual 1 Ragam Bahasa Pulu

Instrument	Scene	Participant	Jenis Ragam & Fungsi Komunikasi
Ayat 9	Suasana perbualan suami dan isteri ketika menjumpai peti yang dalamnya adalah seorang bayi lelaki.	Saidatina Āsiyah. Fir'aun. Nabi Musa AS ketika bayi.	Ragam Bahasa Pulu: Berfungsi sebagai rayuan, harapan dan kasih sayang agar bayi tidak dibunuh; menyampaikan nilai emosi keibuan dan simpati, serta menekankan mesej kelembutan dan doa.

1. Dapatan Tafsiran

Tuturan yang dilontarkan oleh Saidatina Āsiyah, iaitu isteri kepada Fir'aun menggambarkan sebuah sifat kasih sayang seorang wanita terhadap bayi yang dijumpai dengan berharap agar bayi tersebut tidak dibunuh dan dijaga. Hal ini dibuktikan oleh Ibn 'Asyur (1984) dari lontaran pertuturan Saidatina Āsiyah ketika mengungkapkan ﴿قُرْتُ عَيْنٍ لِّي وَلَكَ﴾ yang bermaksud "Bayi itu adalah penyejuk mata hati bagiku dan bagimu" yang merupakan sebuah Kināyah kepada sifat kasih, iaitu makna konotasi kasih sayang yang difahami melalui konteks ayat bukan melalui perkataan itu sendiri (Al-Hasyimi, 1994).

Penutur yang terlibat dalam suasana ini jelas dinyatakan dalam ayat ini seramai tiga peserta, iaitu Saidatina Āsiyah, Fir'aun dan seorang bayi iaitu Nabi Musa AS. Suasana komunikasi yang penuh dengan pengharapan dan kasih sayang ini membawa kepada penggunaan ragam bahasa pilu melalui aplikasi konteks larangan ﴿لَّا تَقْتُلُوهُ﴾ yang bermaksud "Janganlah kamu membunuhnya" dan ia menurut Uthman (2019) adalah merupakan salah sebuah ragam bahasa al-Quran.

Manakala ungkapan ﴿عَسَىٰ أَن يَنْفَعَنَا﴾ pula yang bermaksud "mudah-mudahan dia bermanfaat kepada kita" menggambarkan sebuah konteks harapan yang dikategorikan sebagai ayat bukan penyata menurut Zaki dan Radiah (2013).

2. Dapatan Dell Hymes

Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa ragam bahasa pilu telah diaplikasi secara langsung selepas melihat daripada perspektif Dell Hymes dengan mengkategorikan ayat ke-9 sebagai Instrument, manakala perbualan suami dan isteri ketika menjumpai seorang bayi lelaki adalah sebagai Scene, dan penglibatan Saidatina Āsiyah, Fir'aun dan seorang bayi adalah sebagai Participant.

7.2 Ragam Bahasa Seruan

﴿وَجَاءَ رَجُلٌ مِّنْ أَقْصَا الْمَدِينَةِ يَسْعَىٰ قَالَ يَا مُوسَىٰ إِنَّ الْأُمَمَاءَ يَأْتُمُونَ بِكَ لِيَقْتُلُوكَ فَاخْرُجْ إِنِّي لَكَ مِنَ النَّاصِحِينَ﴾

Maksud: "Seorang lelaki datang bergegas daripada hujung kota seraya berkata "Wahai Musa! Sesungguhnya para pembesar negeri sedang bermesyuarat tentang engkau untuk membunuhmu, maka keluarlah (dari kota ini), sesungguhnya aku termasuk orang yang memberi nasihat kepadamu."

Jadual 2 Ragam Bahasa Seruan

Instrument	Scene	Participant	Jenis Ragam & Fungsi Komunikasi
Ayat 20	Suasana amaran daripada seseorang terhadap perkara buruk yang dirancang oleh pihak Fir'aun.	Nabi Musa AS. Seorang lelaki dari Bani Israel.	Ragam Bahasa Seruan: Berfungsi sebagai amaran, peringatan segera, dan seruan untuk menyelamatkan diri daripada ancaman serta menunjukkan kepedulian sesama kaum.

1. Dapatan Tafsiran

Tuturan seorang lelaki dari Bani Israel kepada Nabi Musa AS menggambarkan suasana amaran terhadap perkara buruk yang dirancang oleh pihak Fir'aun dan kuncu-kuncunya untuk membunuh Nabi Musa AS (Al-Nasafi, 1998). Amaran ini jelas disebutkan oleh lelaki tersebut dengan ungkapan ﴿إِنَّ الْأُمَمَاءَ يَأْتُمُونَ بِكَ لِيَقْتُلُوكَ﴾ yang bermaksud "Sesungguhnya para pembesar negeri sedang bermesyuarat tentang engkau untuk membunuhmu".

Penutur yang terlibat pula hanya dua orang sahaja, iaitu seorang lelaki dari Bani Israel dan Nabi Musa AS. Suasana amaran ini membawa kepada ragam bahasa seruan ketika lelaki tersebut memerintahkan Nabi Musa AS untuk bergegas keluar daripada kota tersebut dengan ungkapan ﴿فَاخْرُجْ إِنِّي لَكَ مِنَ النَّاصِحِينَ﴾ yang bermaksud "keluarlah (dari kota ini), sesungguhnya aku termasuk orang yang memberi nasihat kepadamu".

Melalui aplikasi Uthman (2019), pengkaji mendapati bahawa ragam bahasa al-Quran yang diterapkan adalah melalui konteks tuntutan. Manakala ragam bahasa seruan pula adalah dikategorikan dari ayat bukan penyata menurut Zaki dan Radiah (2013).

2. Dapatan Dell Hymes

Dalam konteks ini, pengkaji mendapati bahawa ragam bahasa seruan dihasilkan secara jelas selepas dilihat dari perspektif Dell Hymes dengan meletakkan ayat ke-20 sebagai Instrument, manakala amaran terhadap perkara buruk yang dirancang adalah sebagai Scene, dan penglibatan lelaki Bani Israel dan Nabi Musa AS pula sebagai Participant.

7.3 Ragam Bahasa Pengharapan

﴿فَسَقَىٰ لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّىٰ إِلَى الظِّلِّ فَقَالَ رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ﴾

Maksud: “Maka dia (Musa) memberi minum (ternakan) kedua-dua perempuan itu, kemudian dia kembali ke tempat teduh lalu berdoa “Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku sangat memerlukan sesuatu kebaikan (makanan) yang diturunkan Engkau kepadaku.”

Jadual 3 Ragam Bahasa Pengharapan

Instrument	Scene	Participant	Jenis Ragam & Fungsi Komunikasi
Ayat 24	Suasana semasa Nabi Musa AS kembali berteduh di sebatang pokok lalu bermunajat kepada Allah SWT agar dikurniakan sebarang nikmat selepas menempuhi ujian.	Allah SWT. Nabi Musa AS.	Ragam Bahasa Pengharapan: Menunjukkan kebergantungan penuh kepada Allah SWT serta permohonan secara sopan.

1. Dapatan Tafsiran

Tuturan Nabi Musa AS ketika berteduh di bawah sebuah pohon selepas baginda membantu dua orang wanita, iaitu puteri Nabi Syu'aib AS menggambarkan suasana munajat seorang hamba kepada tuhaninya ketika dalam keadaan susah (Ibn 'Asyur, 1984). Hal ini dijelaskan oleh al-Zamakhshari (2012) dengan menyatakan bahawa perkataan yang dituturkan oleh Nabi Musa AS adalah gambaran seseorang yang amat memerlukan sebarang kurniaan, sama ada kurniaan di dunia ataupun di akhirat.

Penglibatan penutur pula hanya melibatkan Nabi Musa AS dan Allah SWT. Suasana munajat ini membawa kepada penggunaan ragam bahasa pengharapan ketika baginda mengadu bahawa beliau memerlukan sebarang kurniaan dan berharap agar Allah SWT mengurniakan kepadanya sesuatu dengan ungkapan رَبِّ ﴿رَبِّ﴾ ﴿رَبِّ﴾ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ ﴿رَبِّ﴾ yang bermaksud “Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku sangat memerlukan sesuatu kebaikan yang diturunkan Engkau kepadaku”.

Pengkaji melihat bahawa ragam bahasa al-Quran yang diterapkan menurut Uthman (2019) adalah daripada konteks keharusan. Manakala aduan Nabi Musa AS pula adalah daripada kategori ayat penyata menurut konsep Zaki dan Radiah (2013).

2. Dapatan Dell Hymes

Dalam hal ini, dapat difahami bahawa ragam bahasa pengharapan tidak dijelaskan secara langsung, bahkan difahami melalui makna ayat penyata yang berunsurkan keharusan kepada tuhan sama ada ingin mengurniakan ataupun tidak. Ragam bahasa ini difahami setelah melihat dari perspektif Dell Hymes dengan meletakkan ayat ke-20 sebagai Instrument, manakala perbuatan munajat kepada Allah SWT agar dikurniakan nikmat adalah sebagai Scene, dan penglibatan Nabi Musa AS dan harapannya kepada Allah SWT pula adalah sebagai Participant.

7.4 Ragam Bahasa Tempelak

﴿وَقَالَ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ وَيَلَكُمْ ثَوَابُ اللَّهِ خَيْرٌ لِمَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا وَلَا يُلْقَىٰهَا إِلَّا الصَّابِرُونَ﴾

Maksud: “Tetapi orang yang dianugerahkan ilmu berkata “Celakalah kamu! Ketahuilah bahawa pahala Allah SWT adalah lebih baik bagi orang yang beriman dan melakukan kebaikan, dan (pahala yang besar) itu hanya diperoleh oleh orang yang sabar.”

Jadual 4 Ragam Bahasa Tempelak

Instrument	Scene	Participant	Jenis Ragam & Fungsi Komunikasi
Ayat 80	Suasana yang penuh perasaan takjub oleh ahli ilmu kepada para muslimin yang terpegun dengan perhiasan dunia.	Ahli ilmu. Para muslimin yang lemah imannya.	Ragam Bahasa Tempelak: Berfungsi sebagai peringatan keras, sindiran, dan teguran terhadap kekeliruan iman serta ajakan untuk kembali kepada hakikat kebaikan.

1. *Dapatan Tafsiran*

Tuturan ahli ilmu kepada mereka yang lemah imannya membawa kepada suasana peringatan tentang pemberian Allah SWT kepada hambanya adalah lebih agung berbanding dengan perhiasan dunia seperti yang dipakai oleh Qarun. Hal ini berdasarkan ayat ke-79 ketika Qarun keluar di hadapan rakyatnya dengan penuh kemegahan hingga mendatangkan sifat ghibṭah oleh para muslimin (Al-Nasafi, 1998). Sifat inilah yang membuatkan ahli ilmu pada ketika itu menempelak mereka dan mengingatkan tentang kurniaan Allah SWT agar tidak terliur dengan hiasan dunia.

Penglibatan penutur hanya di antara ahli ilmu dan para muslimin yang lemah imannya. Peringatan yang disampaikan oleh ahli ilmu tersebut menghasilkan ragam bahasa tempelak ketika menggunakan partikel (وَيْلَكُمْ) yang bermaksud "Celakalah kamu!". Ibn 'Asyur (1984) menyatakan bahawa partikel menempelak ini bukanlah mendoakan kecelakaan di antara semasa muslim, bahkan sebuah gambaran yang amat takjub dengan perilaku orang yang beriman dengan tuhan Yang Maha Memiliki segalanya, bagaimana mereka masih lagi mahukan perhiasan dunia tersebut.

Melihat dari idea Uthman (2019), ragam bahasa al-Quran yang digandingkan dalam ayat ini adalah daripada konteks keharusan melalui ungkapan (ثَوَابُ اللَّهِ خَيْرٌ) yang bermaksud "ketahuilah bahawa pahala Allah SWT adalah lebih baik", yang menjadi peringatan buat mereka sama ada mahu ataupun tidak. Melalui persepsi Zaki dan Radiah (2013) pula, ragam bahasa yang dihasilkan adalah daripada kategori ayat penyata.


2. *Dapatan Dell Hymes*

Daripada perspektif ini, dapat dijelaskan bahawa ragam bahasa tempelak dinyatakan secara jelas melalui partikelnya. Hal ini difahami selepas melihat dari perspektif Dell Hymes dengan meletakkan ayat ke-80 sebagai Instrument, manakala peringatan tentang pemberian Allah SWT yang lebih agung adalah sebagai Scene, dan penglibatan ahli ilmu dan para muslimin yang lemah imannya adalah sebagai Participant.

8.0 HUBUNGAN RAGAM BAHASA PILU DAN PENGHARAPAN

Hasil kajian mendapati bahawa ragam bahasa pilu dan ragam bahasa pengharapan saling berhubung dari segi emosi yang dizahirkan penutur. Ragam bahasa pilu menggambarkan emosi kesedihan, kelemahan, rasa kehilangan dan kasih sayang yang menggambarkan sisi kerendahan diri seorang penutur. Sebaliknya, ragam bahasa pengharapan pula lebih berorientasikan masa depan dengan menyemai keyakinan, doa, dan kepercayaan bahawa keadaan akan berubah.

Kedua-duanya berkongsi fungsi emosi yang mendalam, namun ragam bahasa pilu lebih berakar pada pengalaman lampau yang menggambarkan sifat kasih, manakala ragam bahasa pengharapan berakar pada aspirasi yang diimpikan melalui munajat kepada Tuhan. Maka, ragam bahasa pilu boleh dianggap sebagai bayangan perasaan yang menekan, sedangkan ragam bahasa pengharapan pula menggambarkan persepsi optimisme.




Rajah 3 Hubungan Ragam Bahasa Pilu dan Ragam Bahasa Pengharapan

9.0 HUBUNGAN RAGAM BAHASA SERUAN DAN TEMPELAK

Menerusi dapatan kajian, ragam bahasa seruan dan ragam bahasa tempelak pula sama-sama membawa nada yang tegas, tetapi berbeza dari segi tujuan komunikasi. Ragam seruan digunakan untuk mengajak, menyeru, atau memberi semangat, dengan intonasi yang lebih positif dan membina, dalam kajian ini adalah amaran daripada seorang lelaki yang memerintahkan Nabi Musa AS untuk bergegas keluar daripada kota. Sebaliknya, ragam tempelak pula lebih bersifat konfrontatif, mengandungi teguran yang keras, sindiran, atau kecaman terhadap sesuatu pihak.

Kedua-duanya berfungsi dalam ruang sosial yang sama, iaitu untuk menarik perhatian dan menegaskan sesuatu perkara, namun ragam bahasa seruan menyatukan pendengar, manakala ragam bahasa tempelak lebih bersifat menegur dengan tujuan pembetulan. Maka, kedua-dua ragam ini berada pada skop yang sama pada sudut ketegasan, tetapi berlawanan dalam orientasi, sama ada menggalakkan atau mengkritik.



Rajah 4 Hubungan Ragam Bahasa Seruan dan Ragam Bahasa Tempelak

10.0 KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa kepelbagaian ragam bahasa dalam komunikasi al-Quran, khususnya dalam Surah al-Qaṣaṣ, memainkan peranan penting dalam menyampaikan makna dan konteks sesuatu ayat. Setiap ragam bahasa yang digunakan bukan sahaja mencerminkan variasi penggunaan bahasa, tetapi juga membantu dalam menjelaskan latar situasi yang melatari sesuatu wacana. Penemuan ini menambah dimensi baharu kepada kajian linguistik al-Quran dengan menghubungkan tafsir klasik dengan kerangka sosiolinguistik moden, sesuatu yang belum banyak disentuh dalam kajian terdahulu.

Walau bagaimanapun, tidak semua bentuk komunikasi dalam al-Quran dapat difahami secara langsung; sebaliknya, pemahamannya menuntut penelitian yang mendalam terhadap aspek linguistik dan sosial, di samping merujuk kepada tafsiran para ulama. Ini menunjukkan bahawa pendekatan yang berasaskan mekanisme bahasa semata-mata tidak memadai untuk memahami ragam bahasa al-Quran secara holistik. Oleh itu, penguasaan terhadap pelbagai tafsiran ulama yang muktabar amat diperlukan bagi memastikan mesej al-Quran difahami dengan tepat tanpa berlaku penyimpangan makna. Kajian ini juga menonjolkan kepentingan hubungan antara tatabahasa dan sosiolinguistik dalam memahami struktur naratif al-Quran, terutamanya apabila meneliti kisah-kisah yang dirakamkan oleh Allah SWT sebagai wahyu yang sarat dengan hikmah dan pengajaran.

11.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini. Artikel ini disediakan sebagai sebahagian daripada keperluan program Sarjana Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus di Universiti Islam Selangor (UIS).

12.0 PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada para pensyarah dan penyelia di Universiti Islam Selangor (UIS) atas bimbingan ilmiah sepanjang penyediaan kajian ini. Ucapan terima kasih khusus ditujukan kepada Dr. Imran Ahmad dan Dr. Husni Abdullah yang banyak membimbing penulis secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini yang bertajuk "Ragam Bahasa dalam Komunikasi al-Quran: Analisis Berdasarkan Surah al-Qaṣaṣ".

13.0 SUMBANGAN PENULIS

Kajian ini merupakan hasil kerjasama dua orang penulis, Nurul Amin Mustafa yang bertanggungjawab terhadap reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis linguistik, penulisan draf awal, dan keseluruhan penyusunan artikel. Manakala, Dr. Mohammad Imran Ahmad pula menyemak reka bentuk metodologi, menyemak analisis data, memberikan panduan akademik, membuat semakan ilmiah akhir serta memastikan ketepatan dan keselarasan kandungan. Kedua-dua penulis meluluskan versi akhir artikel ini untuk diterbitkan.

14.0 RUJUKAN

- Al-Halabi, A.-S. (2011). *Al-Durr al-Maṣūn fī 'Ulūm al-Kitāb al-Maknūn* (Vol. 8). Dar al-Qalam.
- Al-Hasyimi, S. A. (1994). *Jawāhir al-Balāghah*. Dar al-Fikr.
- Al-Nasafi, A. al-Barakat. (1998). *Madārik al-Tanzīl wa Haqā'iq al-Ta'wīl* (Vol. 2). Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Al-Qazwini, M. A. al-Rahman. (2010). *Talkhīṣ al-Miftāḥ*. Maktabah al-Busyra.
- Al-Samarra'i, F. S. (2007). *Al-Jumlah al-'Arabīyyah: Ta'līfuhā wa Aqṣāmuhā*. Dar al-Fikr.
- Al-Suyuti, J. al-Din. (2008). *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Zamakhshari, A. al-Qasim. (2012). *al-Kashshāf*. Dar Ibn Hazm.
- Al-Zuhaily, W. (2003). *Tafsīr al-Munīr* (Vol. 10). Dar al-Fikr.
- Amin, N., Rahmawati, R., Amrand, D., & Zul Iman, M. (2025). Harmony of language and society: A sociolinguistic analysis of the concept of language in the Qur'an. *APEBSKID International Conference on Multidisciplinary Studies*, 122–133.
- Arabi, S. I. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlan Mis, M. (2014). Sociolinguistik. In M. F. Jaafar (Ed.), *Pengenalan Linguistik: Teoretis dan Aplikasi* (pp. 157–180). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creswell, J. W. (2014). *A concise introduction to mixed methods research*. SAGE Publications.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)* (4th ed.).
- Finegan, E. (2004). *Language: Its Structure and Use*. Massachusetts: Wadsworth.
- Hassan, H., & Abdul Wahid, P. R. (2020). *Kecendekiaan Melayu Melalui Bahasa Sastera dan Budaya*. UM Press.
- Hifni Nasif, Tamum, M., Muhammad, S., & Diyab, M. (2012). *Durūs al-Balāghah* (1st ed.). Dar Ibn Hizam.
- Hymes, D. (1979). *Foundations in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach* (4th ed.). University of Pennsylvania Press.
- Ibn 'Asyur, A.-T. (1984). *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* (Vol. 20) [Maktabah Shamela]. Al-Dar Al-Tunisia. <https://shamela.ws/book/9776>
- Ibn Hisyam, J. al-Din. (2020). *Mughnī al-Labīb 'an Kutb al-A'ārīb*. Dar al-Lubab.
- Najjar, M. M. H. S. (2025). The Qur'anic orthography: A pragmatic-sociolinguistic approach. *QURANICA – International Journal of Quranic Research*, 17(1).
- Perdani, R., & Sipon, S. (2010). *Permata Berbicara: Komunikasi Dalam Keluarga* (2nd ed.). Penerbit USIM.
- Sunawari Long, A. (2016). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Uthman, K. (2019). *Tahdhīb Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Dar al-Taiba al-Khadra.
- Wan Azura, & Fazullah, A. (2022). Emosi dan Kesopanan Komunikasi dalam al-Quran: Tinjauan Psikologi dan Retorik al-Quran. In *Conference: Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Malaysia 2021 (MEDC2021)*. https://www.researchgate.net/publication/362159541_FULLPAPERMDEC2020_Emosi_dan_Komunikasi_dlm_al-Quran
- Yahya, M. (2015). *Rahsian Keagungan al-Quran dan al-Qira'at*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba, Z. A. A. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaki, Mohd., & Radiah, C. (2013). *Balaghah Melayu berdasarkan Balaghah Arab: Satu Pengenalan dalam Ilmu al-Ma'ānī*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.